



Bertuah.... Mohd Rizal Abd. Ghani bergambar dengan Dato' Ahmad Zahid Hamidi.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

**PUTRAJAYA (26 Feb)** - Mohd Rizal Abd. Ghani, penuntut Bachelo Pendidikan (Sains Pertanian) diumumkan penerima Anugerah Permata KOSASS yang turut menerima Anugerah Kepimpinan Terbaik (Siswa) sempena Malam Sejambak Budi ke-22 dan Anugerah Bakti Dikenang Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) di Dewan Seri Endon Puspanitapuri Putrajaya, Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya tidak sangka akan dapat anugerah tertinggi kolej pada tahun ini.

Selama ini, saya akan menerima semua tugas di KOSASS dengan menjalankan tugas dengan sehabis baik seolah-olah peluang terakhir,” komen Mohd Rizal Abd. Ghani.

Menurutnya lagi, rahsia kejayaannya adalah muhasabah daripada kegagalan waktu silam dan berkat asuhan didikan ibu bapanya yang mementingkan ilmu pengetahuan.

Anugerah Kepimpinan Terbaik Siswi dimenangi Misah binti Mansor, Anugerah Akademik Terbaik milik Abu Shahmah Jamaluddin.

Olahragawan dan Olahragawati Kolej dimenangi Mohd Hafiz Arif dan Maizatul

Akma Abas. Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan PK Mohd Firdaus Zakaria dan Nurul Azlini Amali. Anugerah Kepimpinan Sukan LM Mohd Basir Arif.

Seterusnya, Anugerah Blok Terbaik keseluruhan dimenangi Blok Seladang, Anugerah Kelab Terbaik, Kelab Gendang 24 Musim.

Diikuti, 26 pelajar menerima Anugerah Ayahanda Pengetua. Anugerah Khas KOSASS Idzhar Yusof, Mohd Nizam Nazaruddin dan Husalshah Rizal Hussian.

“Reputasi KOSASS yang hebat dan sering menjadi johan dalam pertandingan di UPM membuktikan prestasi optimum warga KOSASS dan saya sungguh tertarik

# Mohd Rizal ikon KOSASS cemerlang

---

*“Saya tidak sangka akan dapat anugerah tertinggi kolej pada tahun ini. Selama ini, saya akan menerima semua tugas di KOSASS dengan menjalankan tugas dengan sehabis baik seolah-olah peluang terakhir,”*

*Mohd Rizal Abd. Ghani.*

---

dengan konsep majlis ini iaitu mengenang semula usaha Allahyarhamah Datin Seri Hendon Mahmud dan dapat memastikan warisan bangsa ini terus dihargai oleh generasi muda,” Dato Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Menteri Penerangan Malaysia.

Dato' Zahid berpesan agar semua pelajar tahun akhir KOSASS terus menimba ilmu pengetahuan selepas tamat bergraduasi nanti, bukannya tiket untuk berbangga menjawat jawatan tinggi dan terus mengunjungi dan membantu pihak UPM untuk mencapai tahap universiti yang cemerlang dan terbilang di negara ini.